



NOTIS PELAWAAN

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PESURUHJAYA SUMPAAH LPPSA BAGI DOKUMEN PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

LPPSA mempelawa mana-mana individu yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah dan berminat menjadi Panel LPPSA bagi urusan pengesahan affidavit yang di luar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor, untuk mengemukakan permohonan kepada LPPSA. Kriteria pemilihan panel Pesuruhjaya Sumpah LPPSA adalah seperti berikut:

No.	Perkara	Kriteria
1.	Pengesahan Pelantikan	Mempunyai sijil pelantikan yang sah sebagai Pesuruhjaya Sumpah oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan dan masih berkuatkuasa.
2.	Kawasan Liputan	Menjalankan perkhidmatan di sekitar Putrajaya dan boleh membuat pengesahan affidavit di pejabat LPPSA.
3.	Kesediaan	Boleh menghadiri ikrar affidavit di pejabat LPPSA mengikut jadual yang telah ditetapkan atau bila-bila masa diperlukan.
4.	Fi Berkaitan	Kadar bagi setiap satu: i. Fi Affidavit Asal : RM 10.00 ii. Fi Exhibit Asal : RM 5.00 iii. Fi Salinan Affidavit : RM 5.00 iv. Fi Salinan Exhibit : RM 2.00 v. Fi Lain-lain dokumen : RM 10.00 vi. Fi Salinan Lain-lain Dokumen : RM 5.00 Nota: • Tiada fi/bayaran tambahan yang dikenakan bagi kehadiran ke pejabat LPPSA. • Caj maksimum sebanyak RM50 bagi setiap dokumen.
6.	Tempoh Perkhidmatan	Satu (1) tahun. Tempoh pelantikan semula atau pelantikan baru secara tahunan tertakluk kepada kelulusan LPPSA.

Pelantikan panel adalah tertakluk kepada penilaian LPPSA. Pesuruhjaya Sumpah yang berminat dan memenuhi kriteria di atas hendaklah mengemukakan surat permohonan dengan menyertakan dokumen yang berkaitan **selewat-lewatnya pada 3 Januari 2020**. Kesemua dokumen berkenaan hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Jabatan Pengurusan Produk & Proses
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
Kompleks Kementerian Kewangan
No 9, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

17 Disember 2019